

---

## **Kesejahteraan Remaja Di Rumah Pangsa: Tumpuan Kepada Penggunaan Ruang untuk Belajar dan Aktiviti Sosial**

Nurizan Yahaya  
Norlela Mat Nor  
Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia  
Universiti Pertanian Malaysia

---

A pilot study was carried out to examine space utilization for study and social activities among adolescents in the flats. The study was carried out at Seri Negeri Sembilan Flat, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. The respondents consisted of 80 schooling adolescents i.e. 41 boys and 39 girls aged between 13 to 18 years old. Forty-nine Malays, six Chinese and 25 Indians adolescents were randomly chosen and interviewed by using questionnaire. The findings showed that only few parents (2.5%) allocated study area to their children. Respondents perceived space problems and uncomfortable surroundings as major factors that affect their studies. The study also showed that the respondents were keen to be involved in various social activities especially in sports. Unfortunately, a number of them did not have the opportunity to enjoy social activities due to lack of facilities. In general, respondent had a lot of friends in the housing area and most of the social activities were carried out with these friends. A majority of respondent were not happy with the flat life because of problems such as noise, crowding and lack of space. They suggested that Dewan Bandaraya Kuala Lumpur should provide more playgrounds and recreational facilities in an attempt to reduce space problems in the flats.

Kertas ini berdasarkan kepada kajian pilot/deskriptif mengenai kesejahteraan remaja yang tinggal di Rumah Pangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kajian ini didapati penting kerana peringkat remaja merupakan satu peringkat yang kritikal dalam kehidupan di mana berlakunya proses pembentukan personaliti dan nilai. Pengaruh persekitaran boleh memberi kesan yang penting terhadap perkembangan mereka. Dalam konteks kajian ini persekitaran rumah pangsa seringkali dikaitkan dengan kesesakan, kebisingan dan kekotoran yang mungkin boleh mempengaruhi perkembangan remaja. Keperluan remaja yang tidak dapat dipenuhi disebabkan keadaan tersebut mungkin secara tidak langsung dapat mempengaruhi potensi masa hadapan, sekaligus, kesejahteraan mereka.

Kajian-kajian yang lalu menunjukkan remaja yang tinggal di rumah pangsa kebanyakannya berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah atau menengah rendah (Husna dan Nurizan, 1986, Nurizan, 1989, Sulong, 1980). Keadaan ini adalah selaras dengan matlamat program perumahan kos rendah untuk menempatkan golongan berpendapatan rendah ke

petempatan tersebut. Lazimnya rumah pangsa mempunyai saiz yang terhad dengan ruang tamu, satu atau dua buah bilik tidur, bilik mandi dan tandas, dapur dan beranda. Kehidupan di rumah pangsa adalah satu konsep yang agak baru di Malaysia kecuali bagi mereka yang tinggal di bandar. Rumah tipikal di Malaysia terutama di desa adalah rumah sesebuah dengan kawasan luar yang luas dan selesa. Keadaan yang ditawarkan oleh rumah pangsa adalah agak berbeza dengan keadaan kehidupan tersebut. Oleh itu berbagai penyesuaian perlu dilakukan oleh penghuni terutama yang biasa tinggal di rumah sesebuah apabila menetap di rumah pangsa.

Pentingnya pengaruh persekitaran terhadap individu diakui oleh Mitchell (1971) yang mengatakan bahawa apabila manusia menduduki sesuatu ruang adalah munasabah untuk mengandaikan bahawa banyak tingkah laku mereka adalah berorientasikan ciri-ciri ruang persekitaran fizikal yang dilingkunginya. Kenyataan ini disokong oleh Hurlock (1978) yang mengatakan bahawa suasana rumah mempengaruhi keupayaan seseorang di dalam proses penyesuaian sosial.

Kajian lebih terperinci yang dijalankan oleh Mitchell (1971), menunjukkan bahawa kepadatan yang tinggi di rumah pangsa memberi kesan terhadap anak-anak di mana semakin tinggi kepadatan, semakin ramai bilangan ibu bapa yang tidak tahu di mana anak-anak menjalankan aktiviti mereka. Masalah kebisingan juga dikenal pasti boleh menimbulkan gangguan kepada penghuni termasuk juga remaja. Menurut Newmark (1977) kebisingan yang boleh mengganggu manusia adalah bunyi daripada radio, televisyen serta bunyi pergerakan individu turun naik tangga di rumah pangsa. Tan dan Hamzah (1980) pula mendapati di rumah pangsa Rifle Range, Pulau Pinang, antara masalah yang dihadapi oleh penghuni ialah kebisingan terutama kepada penghuni di tingkat bawah. Ini terjadi kerana kekurangan taman permainan untuk kanak-kanak. Ekoran daripada masalah ini telah menyebabkan kanak-kanak bermain di ruang antara blok dan menyebabkan kebisingan.

Kesesakan di rumah pangsa juga dikaitkan dengan ketidakselesaan anak-anak untuk belajar. Kekurangan 'privacy', kekerapan pergerakan oleh ahli keluarga lain dan kebisingan daripada persekitaran juga merupakan gangguan yang menghalang anak-anak daripada penumpuan kepada pelajaran. Menurut Mitchell (1971), murid-murid sekolah telah melahirkan rasa kesukaran yang dihadapi untuk mencari tempat yang sesuai untuk belajar. Akibat daripada masalah ini, maka remaja terpaksa belajar di luar rumah. Riaz (1977) menunjukkan di Singapura, kepadatan telah mencipta suatu situasi yang tidak selesa kepada ahli keluarga yang mempunyai anak. Untuk mengurangkan kesan yang disebabkan oleh kepadatan tinggi, maka anak-anak telah diberi kebebasan keluar rumah. Keadaan ini menyukarkan pengawasan ibu bapa, dan mengakibatkan anak remaja terlibat dalam berbagai masalah sosial.

Kajian-kajian yang dirujuk di atas menunjukkan perumahan dan persekitaran memainkan peranan penting dalam kehidupan remaja. Oleh itu kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat awalan mengenai kesejahteraan remaja yang menghuni di rumah pangsa. Fokus diberikan kepada penggunaan ruang untuk belajar dan aktiviti sosial. Kesejahteraan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah keadaan keselesaan dan ketenteraman seseorang di dalam kehidupan. Ia juga merupakan keadaan yang bebas atau selamat daripada gangguan yang tidak diinginkan.

## Metodologi

Kajian ini dijalankan di kawasan Perumahan Pangsa Dewan Bandaraya Seri Negeri Sembilan, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Responden kajian terdiri daripada remaja yang masih menuntut di tingkatan satu hingga empat, berusia di antara 13-18 tahun. Bilangan responden adalah 80 orang yang terdiri daripada 49 Melayu, 25 orang India dan 6 orang Cina. Seramai 41 daripada mereka adalah lelaki dan 39 orang perempuan. Persampelan dibuat dengan cara rawak mudah dan data dikutip pada bulan November - Disember, 1990. Data dikumpulkan melalui temu bual menggunakan soal selidik dan pemerhatian.

## Hasil Kajian Latar Belakang Keluarga

Daripada segi pekerjaan bapa responden, didapati kira-kira 40% bapa berkerja sebagai buruh dan pekerja kilang. Ini diikuti dengan 23.7% yang bekerja sendiri. Kira-kira 18.8% bekerja dalam sektor perkhidmatan dan bakinya sebahagian kecil adalah pentadbir atau pesara. Bagi ibu pula, seramai 71.2% ada suri rumah sepenuh masa. Bakinya sama ada buruh, bekerja sendiri dan bekerja dalam sektor perkhidmatan.

Jumlah pendapatan keluarga dikira dengan menjumlahkan pendapatan bapa, ibu, sumbangan ahli keluarga lain, upah daripada pekerjaan sambilan dan sumber lain yang berkaitan (Jadual 1). Didapati sebanyak 51.2% keluarga mendapat pendapatan bulanan antara \$375 hingga \$750. Ini diikuti dengan 30% yang berpendapatan antara \$751 dan \$1125 dengan purata \$854. Jadual 1 menunjukkan walaupun sebahagian besar mendapat pendapatan rendah, ada juga sebahagian kecil bapa responden mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

Jadual 1: Taburan Jumlah Pendapatan Bulanan Keluarga

Pendapatan (\$)	Bilangan	Peratus
< 375	5	6.3
376 - 750	41	51.2
751 - 1125	24	30.0
1126 - 1500	3	3.7
> 1501	7	8.7
	80	100.0

## Purata \$854

Dariipada segi saiz keluarga pula, peratus yang tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 22.5% keluarga responden yang mempunyai bilangan ahli keluarga seramai tujuh orang. Ini diikuti dengan lima orang ahli keluarga (21.2%), enam orang (18.8%) dan lapan orang sebanyak 12.5%. Purata saiz keluarga adalah enam orang.

Dari segi jangka masa menetap di rumah pangsa, sebanyak 25% responden iaitu peratus tinggi telah menetap di rumah pangsa selama tujuh tahun. Sebanyak 12.5% pula telah menetap selama sembilan tahun dengan purata selama 6 tahun.

## Penggunaan Ruang Untuk Belajar

Rumah pangsa yang dikaji mempunyai enam ruang iaitu ruang tamu, ruang dapur, bilik air, berandah dan dua buah bilik tidur. Keluasan ruang utama iaitu ruang tamu adalah 78 meter persegi dan sebuah ruang tidur berukuran 26 meter persegi. Ruang-ruang ini diberi fokus utama disebabkan ianya menjadi ruang yang kerap digunakan oleh responden untuk belajar.

Dari segi penyediaan ruang untuk belajar, didapati hanya 2.5% sahaja ibu bapa responden yang menyediakan ruang khas untuk anak-anak mereka belajar. Sebanyak 55% responden menggunakan ruang tamu sebagai ruang untuk belajar, diikuti ruang tidur (43.8%) dan 1.2% yang belajar di berandah.

Sebanyak 85% responden menyatakan bahawa keadaan kekurangan ruang telah mengakibatkan mereka sukar untuk belajar. Seramai 77.5% responden pula menyatakan bahawa keadaan rumah pangsa ini tidak memberikan suatu keadaan yang selesa untuk belajar. Antara faktor yang telah dikenal pasti sebagai menimbulkan keadaan ketidakselesaan responden untuk belajar adalah seperti kebisingan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang bermain di kaki lima rumah pangsa iaitu sebanyak 47.5% dan juga rakan-rakan yang mengajak responden untuk bermain bersama (52.5%).

Keadaan tidak selesa untuk belajar di rumah pangsa ini diperjelaskan lagi oleh sebanyak 73.7% responden yang melahirkan rasa terganggu untuk belajar. Di antara gangguan-gangguan utama yang telah dikenal pasti mengganggu aktiviti pembelajaran responden adalah kebisingan daripada televisyen/radio dan kebisingan anak jiran yang bermain (33.7%). Gangguan seterusnya adalah terhasil daripada kombinasi gangguan perbualan di kalangan ahli keluarga dan jiran, kebisingan radio/televisyen dan keriuhan anak jiran bermain.

Ekoran masalah kekurangan ruang dan terdapatnya gangguan semasa belajar di rumah pangsa, sebanyak 61.3% responden menyatakan bahawa keadaan kekurangan ruang boleh menyebabkan mereka lemah di dalam pelajaran. Dalam kajian ini didapati sebanyak 455 responden mempunyai jumlah markah peperiksaan akhir di antara 0-49%, diikuti 35% dengan markah di antara 50-59%. Bagi responden yang mempunyai jumlah markah di antara 60-75 adalah sebanyak 12.5%, diikuti 6.3% yang mempunyai jumlah markah di antara 75-84%. Hanya 1.2% sahaja responden yang mempunyai jumlah markah di antara 85-100%. Ini menunjukkan sebahagian kecil sahaja responden yang mendapat markah

yang baik di dalam pelajaran mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan anak-anak di rumah pangsa sukar untuk menumpukan perhatian terhadap pembelajaran ekoran keadaan persekitaran rumah pangsa yang tidak menggalakkan pembelajaran seperti terdapatnya masalah kekurangan ruang dan kebisingan. Namun begitu, mungkin juga terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi prestasi remaja ini yang tidak disentuh oleh kajian ini. Keadaan kekurangan ruang ini menyebabkan responden cenderung untuk menghabiskan kerja rumah di sekolah.

Jadual 2: Taburan Sebab-sebab Membuat Kerja Rumah Di Sekolah

Sebab	Bilangan	Peratus
Selesa	33	40.6
Berehat di rumah	1	1.2
Berbincang	9	11.2
Ulangkaji pelajaran	8	10.2
Tiada kaitan	51	63.2
<b>JUMLAH</b>	<b>80</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan sebanyak 40.6% responden menyatakan keselesaan membuat kerja rumah di sekolah, diikuti 11.2% yang menyatakan bahawa perbincangan dapat dilakukan apabila membuat kerja rumah di sekolah. Seramai 10.2% juga menyatakan mereka berpeluang untuk mengulang kaji pelajaran apabila membuat kerja rumah di sekolah. Ini menunjukkan persekitaran sekolah dan rumah pangsa menghasilkan dua keadaan yang berbeza untuk belajar. Persekitaran rumah yang tidak selesa, mengakibatkan responden lebih gemar membuat kerja rumah di sekolah. Di sekolah penumpuan boleh diberikan kepada pelajaran kerana situasi sekolah begitu menggalakkan untuk belajar berbanding dengan keadaan ini rumah pangsa.

Jadual 3: Taburan Tiga Aktiviti Utama Responden di Rumah

Aktiviti	Bilangan	Peratus
Belajar, kerja rumah, rehat	54	67.5
Belajar, bermain, rehat	3	3.7
Rehat, bermain, melukis	14	17.5
Belajar, sendirian, tidur	9	11.2
Jumlah	80	100

Responden juga disoal mengenai aktiviti utama yang mereka jalankan di rumah. Jadual 3 menunjukkan peratus tertinggi yang dicatatkan mengikut tiga aktiviti utama adalah belajar, menolong ibu bapa membuat kerja rumah dan berehat (67.5%). Jika diteliti dengan lebih lanjut didapati hampir keseluruhan aktiviti utama responden adalah melibatkan aktiviti belajar yang mana sesuai dengan keadaan responden yang masih lagi belajar. Untuk menjalankan aktiviti utama tersebut, kombinasi ruang tamu dan ruang tidur menjadi pilihan utama responden seperti yang dinyatakan oleh 80% responden. Antara ruang lain yang turut digunakan adalah ruang tamu (11.2%), ruang tidur (3.7%) serta kombinasi ruang dapur dan ruang tidur sebanyak 5%.

## Penggunaan Ruang Untuk Aktiviti Lain

### 'Privacy'

Apabila membincangkan tentang penggunaan ruang, ianya secara tidak langsung melibatkan aspek 'privacy'. Privasi yang dimaksudkan adalah keadaan bersendirian yang ingin dicapai oleh individu tanpa gangguan daripada orang lain. Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa hampir semua responden ingin menikmati keadaan 'privacy' iaitu sebanyak 97.5%. Separuh daripada responden (56.3%) mengatakan mereka dapat menikmatinya. Secara puratanya, responden menginginkan 'privacy' sebanyak dua jam sehari.

Walau bagaimanapun terdapat sebanyak 43.8% responden yang tidak dapat menikmati 'privacy' kerana terdapatnya halangan-halangan tertentu. Antara halangan yang utama adalah disebabkan oleh kebisingan anak jiran (18.8%), kebisingan adik-beradik (17.5%), gangguan kerja rumah (17.5%) dan kebisingan radio/televisyen (6.3%). Seramai 55% responden juga turut menyatakan bahawa keadaan rumah yang sesak menghalang mereka daripada menikmati keadaan 'privacy'. Jika dilihat kepada persekitaran rumah

pangsa memang tidak dinafikan bahawa agak sukar untuk mendapatkan keadaan 'privacy'. Kebisingan yang tidak dapat dikawal dan kekurangan ruang menjadi penghalang utama kepada responden untuk bersendirian di rumah tanpa gangguan.

## Ruang Tidur

Kajian ini mendapati sebanyak 73.7% responden berkongsi ruang tidur dengan ahli keluarga yang lain. Responden perempuan berkongsi ruang tidur sebanyak 41% dengan adik-beradik perempuan iaitu perkongsian di kalangan sama jantina. Bagi responden lelaki pula, didapati mereka berkongsi ruang tidur dengan adik-beradik lelaki (39%). Terdapat juga sebahagian kecil responden yang berkongsi bilik dengan adik-beradik yang berlainan jantina dan juga dengan ibu bapa. Dalam hal ini apabila terdapat perkongsian bilik tidur antara anak berlainan jantina dan ibu bapa, maka aspek 'privacy' tidak dititikberatkan atau keluarga tidak mampu memberi 'privacy' kepada ahli-ahlinya.

Dalam kebudayaan masyarakat Malaysia, perkongsian bilik antara adik-beradik yang berlainan jantina, terutama yang sudah remaja atau dewasa adalah tidak digalakkan dan cuba dielakkan. Daripada pemerhatian didapati kebanyakan keluarga sedapat-dapatnya cuba untuk mengasingkan bilik tidur di kalangan anak-anak yang berlainan jantina terutama pada peringkat umur akil baligh. Keadaan perkongsian ruang tidur di antara responden yang berlainan jantina adalah implikasi daripada masalah kekurangan ruang. Keadaan kekurangan bilik tidur adalah ketara di kalangan mereka yang mempunyai saiz keluarga yang besar.

## Aktiviti Sosial

Aktiviti sosial adalah merujuk kepada perasaan bahagian dan gembira yang terhasil daripada pengalaman individu. Ianya merangkumi segala aktiviti yang tidak melibatkan kerja seperti aktiviti bermain, bersukan, berinteraksi dengan rakan, bersiar-siar dan berehat. Di kalangan responden di kawasan rumah pangsa ini begitu menggemari aktiviti sosial, khususnya dalam aktiviti sukan di kawasan rumah pangsa. Sebanyak 97.6% responden lelaki dan 71.8% responden perempuan gemar bersukan. Responden juga gemar berehat di kawasan yang disediakan oleh pihak DBKL di rumah pangsa. Sebanyak 82.9% responden lelaki dan 66.7% responden menyatakan mereka gemar berbuat demikian.

Daripada segi memenuhi keperluan interaksi, sebanyak 76.2% responden menyatakan bahawa persekitaran rumah pangsa ini adalah sesuai bagi berlakunya proses interaksi. Antara sebab-sebab yang dinyatakan ramai penghuni (30%), unit-unit yang berdekatan antara satu sama lain (23.7%), terdapat jiran yang berbilang bangsa (8.7%), jiran yang baik dan peramah (96.3%). Peluang interaksi ini tertumpu di gelanggang permainan dan tempat berehat di kawasan rumah pangsa. Reka bentuk rumah pangsa sendiri yang unitnya berdekatan antara satu sama lain telah memberi peluang yang baik untuk berlakunya proses interaksi dan komunikasi di kalangan remaja di rumah pangsa ini.

## Persepsi Remaja Terhadap Keadaan Tinggal di Rumah Pangsa

Remaja dalam kajian ini telah disoal mengenai persepsi mereka yang tinggal di rumah pangsa. Secara keseluruhannya responden menyukai reka bentuk rumah pangsa yang didiami pada masa ini. Terdapat sebanyak 62.5% responden yang menyatakan bahawa mereka menyukai reka bentuk rumah pangsa ini. Antara sebab yang dinyatakan adalah seperti selesa (18.8%), unit rumah yang berdekatan antara satu sama lain (11.2%), dan keunikan rumah pangsa (10%). Antara sebab lain yang dinyatakan oleh responden adalah seperti terdapatnya banyak unit di rumah pangsa, moden dan reka bentuk yang terbuka.

Responden telah mengkategorikan beberapa kebaikan yang boleh didapati semasa tinggal di rumah pangsa. Peratus yang tertinggi dicatatkan sebanyak 67.5% adalah memberikan sebab ramai rakan dan banyak kemudahan. Di samping itu terdapat responden yang menyatakan bahawa mereka mudah untuk keluar malam jika tinggal di rumah pangsa (18.8%). Terdapat juga sebahagian kecil responden yang menyatakan bahawa mereka tidak mendapat apa-apa kebaikan semasa tinggal di rumah pangsa. Apabila ditanya perasaan mereka tinggal di rumah pangsa, kira-kira 47.5% responden menyatakan mereka merasa gembira di rumah pangsa. Tiada seorompokun yang menyatakan bahawa mereka sangat gembira di rumah pangsa. Lebih daripada separuh responden yang telah melahirkan perasaan kurang gembira di rumah pangsa (41.2%), tidak suka (5%) dan bosan dengan kehidupan di rumah pangsa. Di antara sebab-sebab yang menyebabkan responden tidak gembira di rumah pangsa adalah terdapatnya keburukan-keburukan di rumah pangsa (Jadual 4).

Jadual 4: Taburan Keburukan tinggal Di Rumah Pangsa

Keburukan	Bilangan	Peratus
Kotor, bising	20	25.0
Kotor, bising dan terdapat budak-budak nakal	23	28.7
Sempit, kotor, bising dan budak-budak nakal	15	18.8
Tidak selamat dan kotor	15	18.8
Sempit, kotor dan kurang kemudahan	5	6.3
Tidak dibenarkan menanam pokok dan pelihara ternakan	2	2.5
Jumlah	80	100.0



Jadual 4 menunjukkan bahawa peratus yang tertinggi adalah dicatatkan sebanyak 28.7% bagi sebab keburukan yang diakibatkan boleh keadaan kotor, bising dan terdapatnya gangguan budak-budak nakal di rumah pangsa. Jika diteliti didapati aspek kotor dan keadaan kebisingan kelihatan hampir pada setiap pilihan jawapan tentang keburukan di rumah pangsa. Responden telah mencadangkan beberapa aktiviti yang boleh dilakukan bagi kehidupan yang lebih selesa di rumah pangsa (Jadual 5).

Jadual 5: Taburan Cadangan Kehidupan Yang Lebih Selesa di Rumah Pangsa

Cadangan	Bilangan	Peratus
Ruang besar, DBKL dan sikap masyarakat	9	11.2
Boleh bertanam, sikap masyarakat dan hiasan	4	5.0
DBKL, sikap masyarakat dan Mini Market	3	3.7
Persatuan/Kelab dan hiasan	6	7.5
DBKL dan tambah kemudahan	11	13.7
Sukan, kelab dan sikap	4	5.0
Tandas awam dan perpustakaan	7	8.7
Tiusyen dan komputer	3	3.7
Polis Rondaan & Rukun Tetangga	3	3.7
Jumlah	80	100.0

Sebanyak 37.5% responden mencadangkan agar pihak DBKL memastikan bahawa kerja-kerja pembersihan di kawasan rumah pangsa ini dilaksanakan sebaik mungkin. Di samping itu responden juga menitikberatkan sikap masyarakat setempat itu sendiri supaya bersama-sama dapat menjaga kebersihan kawasan, misalnya dengan tidak membuang sampah di merata-rata tempat. Responden juga berharap agar pihak DBKL dapat menambah kemudahan sukan seperti menyediakan lebih banyak gelanggang permainan disebabkan gelanggang yang ada sekarang adalah tidak mencukupi. Selain itu, responden juga telah mencadangkan agar mereka dibolehkan menanam pokok disekitar kawasan

rumah pangsa khasnya bagi penghuni yang tinggal di tingkat bawah. Mereka juga inginkan agar blok-blok rumah pangsa dicat semula dan dihiasi sama ada dengan pokok bunga atau lukisan dinding yang cantik. Terdapat juga responden yang mencadangkan agar sebuah pasar mini disediakan kerana gerai-gerai yang ada mengenakan harga yang mahal kepada mereka yang ingin membeli barangan keperluan harian.

Bagi remaja yang gemar kepada aktiviti-aktiviti sosial pula, telah mencadangkan agar kelab atau persatuan khas untuk remaja ditubuhkan bagi mengelakkan remaja menghabiskan masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang tidak mendatangkan kebaikan atau faedah. Bagi menjamin keselesaan, keselamatan dan ketenteraman kehidupan di rumah pangsa, responden telah mencadangkan Polis Rondaan dan Rukun Tetangga bagi menjalankan operasi mencegah sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Kemudahan lain yang dicadangkan adalah menyediakan kemudahan tusyen dan tandas awam. Segala yang dicadangkan adalah bertujuan untuk memberi keselesaan dalam kehidupan rumah pangsa di kalangan remaja.

## Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar remaja dalam kajian ini berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Oleh kerana saiz rumah pangsa yang kecil, ruang khas untuk belajar tidak dapat disediakan oleh ibu bapa dan menyebabkan tidak ada ruang/keadaan yang selesa untuk mengulang kaji di rumah. Selain daripada ruang, faktor lain seperti bunyi yang bising daripada radio dan TV serta bunyi anak-anak jiran yang riuh bermain juga turut mengganggu ketenteraman mereka. Ekoran daripada masalah-masalah ini remaja tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran dan seterusnya menunjukkan prestasi akademik yang lemah.

Kekurangan ruang juga menyebabkan hampir separuh daripada remaja ini lebih suka menghabiskan kerja rumah di sekolah. Mereka mendapati keadaan di sekolah lebih selesa untuk mengulang kaji pelajaran. Secara tidak langsung menunjukkan unit rumah pangsa tidak dapat menyediakan ruang yang sesuai untuk anak-anak menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mereka terpaksa mencari ruang lain yang lebih sesuai untuk mengulang kaji. Jika diteliti dengan lebih mendalam, alasan ini boleh membawa kepada implikasi yang lebih besar. Sebagai contoh, apabila anak banyak menghabiskan masa yang banyak di luar rumah, ibu bapa tidak dapat mengawasi tingkah laku mereka. Keadaan ini boleh membawa kepada gejala sosial yang lebih serius seperti terlibat dengan dadah, kes juvana dan jenayah.

Sebahagian besar responden mengatakan mereka perlukan 'privacy'. Namun begitu hanya separuh daripada mereka dapat menikmatinya. Keadaan ini disebabkan oleh kebisingan yang tidak terkawal dan kekurangan ruang. Remaja dalam kajian ini begitu menggemari aktiviti sosial terutama aktiviti sukan di kawasan rumah pangsa. Mereka juga melaporkan berbagai kebaikan tinggal di rumah pangsa seperti ramai rakan dan banyak kemudahan. Hampir separuh remaja mengatakan mereka gembira tinggal di rumah pangsa dan bakinya mengatakan kurang gembira atau tidak suka. Mereka juga mengatakan keburukan tinggal di rumah pangsa seperti kotor, bising, sempit dan terdapat budak nakal.

Hasil kajian deskriptif ini menunjukkan berbagai implikasi daripada struktur rumah pangsa terhadap kesejahteraan anak-anak. Walaupun terpaksa tinggal dalam keadaan sesak dan bising, remaja ini telah cuba menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut. Persoalan seterusnya apakah kesan keadaan sekitaran tersebut terhadap perkembangan anak-anak ini. Kajian yang lebih lanjut perlu dijalankan supaya kesan positif/negatif daripada sekitaran tersebut dapat dikenal pasti dengan lebih terperinci dan tindakan susulan dapat dilakukan.

## Rujukan

- Hurlock, E.B., 1978. *Child Development*, New York: Mc Graw-hill Book Company.
- Husna, S. and Nurizan, Y. 1987. *Housing Provision and Satisfaction of Low Income Households in Kuala Lumpur*. Habitat International Vol. 11. Nov. 4 27-38.
- Mitchell, 1971. Some Social Implications of High Density Housing. *American Sociological Review*, Vol. 36 m.s. 18- 29.
- Newmark, L.N. 1977. *Self, Space and Shelter*, U.S.A. Canfield Press.
- Nurizan, Y, 1989. *Peranan Pemerintah Terhadap Perumahan dan Persetingganan: Khususnya Ke Atas Golongan Miskin Di Empat Buah Komuniti Di Kuala Lumpur Dan Seremban*, Ph.D. Tesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Riaz, H, 1977. *Families in Flats: A Study of Low Income Families in Public Housing*. Singapore: Singapore University Press.
- Sulong, M. 1980. *Perumahan Awam Kos Rendah di Terengganu*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan, S.H. and Hamzah, S, 1980. *Public and Private Housing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asid) Ltd.